Latihan 1

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata ganda** *dan* **dua kata akronim**. *Kemudian anda dikehendaki membina* **satu ayat anda sendiri** *daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

> Berdasarkan laporan penyiasatan pelanggaran dikeluarkan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) pada tahun 2020, tingkah laku pemanduan berisiko dan memandu melebihi halaju menjadi penyumbang bilangan kematian tertinggi. Sikap menunjuk-nunjuk memiliki kenderaan berkuasa tinggi dan memandu laju juga menjadi petunjuk kepuasan seolah-olah menjadi trend semasa. Didikan dan kesedaran berhubung bahaya serta impak memandu laju menerusi pendidikan, kempen dan kursus perlu bermula sejak tadika hingga universiti. Pemandu perlu sentiasa beringat-ingat malang tidak berbau dan perbuatan gemar memandu laju berbahaya dan berisiko tinggi.
>
> Dipetik dan diubah suai daripada 'Pandu laju penyebab utama kemalangan maut' oleh Noradrenalina Isah, *Berita Harian Online*, 11 Mac 2021

[8 *markah*]

Dua kata ganda

1. _____
2. _____

Dua kata akronim

1. _____
2. _____

Ayat

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____

Latihan 2

Baca dialog di bawah dengan teliti dan senaraikan **tiga kata ganda**. *Kemudian anda dikehendaki membina* **satu ayat anda sendiri** *daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

> Semakin menghampiri Syawal, ramai orang mula berkira-kira dengan mencongak perancangan untuk balik ke kampung meraikan Aidilfitri. Dua kempen Op Selamat sempena Aidilfitri, masing-masing pada 2016 dan 2017 sebagai contoh, menunjukkan hasil positif. Kompaun maksimum RM300 sepanjang tempoh kempen turut diperkenalkan untuk mengurangkan kadar pelanggaran undang-undang di jalan raya. Namun agak menyedihkan apabila polis dan agensi penguat kuasa lain yang terbabit dalam Op Selamat sahaja dilihat seolah-olah terhegeh-hegeh menjaga nyawa orang awam sedangkan sikap tuan empunya diri di jalan raya mencerminkan sebaliknya.
>
> Dipetik dan diubah suai daripada 'Ubah sikap tak perlu tunggu kempen' oleh Adha Ghazali, *Berita Harian Online*, 13 Jun 2018

[6 *markah*]

Tiga kata ganda

1. _____
2. _____
3. _____

Ayat kata ganda

1. _____
2. _____
3. _____

LIVEWORKSHEETS